



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

UNSUR DUALISME BEROBJEKKAN HAIWAN DALAM PERIBAHASA MELAYU: PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF

Nursyaza Iffah Shari¹, Julaina Nopiah^{1*}

*¹Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia*

**E-mel pengarang koresponden: julainanopiah@iium.edu.my*

ABSTRAK

Peribahasa merupakan satu keunikan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu. Pelbagai kajian semantik telah dijalankan untuk mengupas makna disebalik penggunaan objek tertentu dan mengenal pasti kaitan penggunaan pasangan sebuah objek dengan objek yang lainnya. Namun begitu, terdapat beberapa objek duaan yang masih belum dikupas dan dicungkil falsafah dan akal budi Melayunya menyebabkan kajian kali ini akan ditumpukan kepada unsur dualisme berobjekkan haiwan ‘tikus-kucing’ dan ‘ayam-musang’. Hasil pencarian objek unsur dualisme haiwan ini berjaya diperolehi melalui Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga pangkalan data di *Malaycivilization* UKM. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan juga Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986) sebagai langkah penganalisan data. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan ‘tikus-kucing’ ini diterapkan sebagai unsur dualisme adalah disebabkan oleh habitat kedua-duanya yang kebanyakannya tinggal di kawasan perumahan manakala unsur dualisme ‘ayam-musang’ digunakan bagi memaparkan perbezaan kuasa dan konsep khianat kerana sifat musang yang kecil dan gelap mampu mengaburkan mata manusia daripada melihat dirinya yang sebenar. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya ini dapat menghasilkan huraian makna peribahasa yang pada akhirnya mencerminkan akal budi Melayu disebalik penggunaan objek duaan tersebut. Oleh itu, tidak dapat

dinafikan lagi bahawa pendekatan semantik inkuisitif ini dapat menyerlahkan ilmu falsafah yang tersirat dalam setiap peribahasa Melayu.

Kata kunci: *unsur dualisme haiwan, peribahasa, semantik inkuisitif, Rangka Rujuk Silang, akal budi Melayu*

PENGENALAN

Bahasa merupakan salah satu medium komunikasi yang digunakan dalam kehidupan harian masyarakat. Terdapat sebanyak 6,000 bahasa di dunia ini namun sebanyak 20 bahasa saja yang diiktirafkan sebagai bahasa rasmi dan salah satunya ialah Bahasa Melayu. Bahasa Melayu ini tersebar secara meluas selepas kedatangan Islam ke nusantara sekali gus menjadikannya sebagai bahasa *lingua franca* yang digunakan oleh seramai 200 juta penduduk. Sikap masyarakat Melayu yang bersopan santun dan mempunyai nilai peradaban yang tinggi menjadi faktor kepada perkembangan bahasa Melayu sehingga ke hari ini. Hal ini dapat dilihat melalui pertuturan harian masyarakat Melayu yang kebanyakannya menggunakan ayat puitis dan bermadah dalam menyampaikan sesuatu perkara kerana masyarakat Melayu amat menitikberatkan perbuatan dan tutur kata dalam menjaga hati dan perasaan pihak yang mendengar. Bahasa yang dimaksudkan tersebut ialah bahasa kiasan yang masih digunakan sehingga ke hari ini.

Penggunaan bahasa kiasan lebih tertumpu pada konteks perbualan tertentu yang bersifat memberi nasihat, teguran atau sindiran dalam cara yang sopan dengan tujuan tidak menjatuhkan maruah dan menimbulkan kemarahan individu yang terlibat. Menurut Asmah Haji Omar (2005), bahasa kiasan ini merupakan bahasa yang tidak sepenuhnya membawa makna perkataan yang diujarkan jika diterangkan secara satu persatu perkataan itu mengikut maksud kamusnya. Dalam erti kata lainnya, bahasa kiasan ini terjadi apabila setiap perkataan, frasa atau ayat yang diujarkan mengandungi makna yang berbeza daripada makna asal bagi setiap perkataan-perkataan tersebut sekali gus mewujudkan makna tersirat dalam bait kata. Tambahan pula, masyarakat melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan pepatah, perumpamaan, bidalan dan simpulan bahasa yang kesemuanya itu terkandung dalam peribahasa dan menjadikannya sebagai alat untuk menyampaikan maksud sesuatu ujaran secara berkias.

Peribahasa adalah salah satu contoh keindahan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu (Nabillah Bolhassan, 2024). Peribahasa ini tercipta berdasarkan pengalaman masyarakat dalam menjalani kehidupan harian dan setiap daripada peribahasa itu mempunyai falsafah hidup tersendiri di sebalik kewujudannya. Penciptaan peribahasa juga mempunyai susunan dan peraturan yang tersendiri yang menyebabkannya terikat dengan adat istiadat Melayu lama. Melalui peribahasa juga dapat dilakukan kajian mengenai struktur sosial bangsa Melayu lama. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, terdapat juga peribahasa

yang mempunyai pasangan yang sama dalam ayat yang berbeza. Konsep ini digelar sebagai konsep dua-duaan ataupun unsur dualisme. Unsur dualisme ini kebiasaannya melibatkan unsur alam yang menjadi sebahagian daripada rutin harian masyarakat Melayu dahulu. Pengkaji melakukan beberapa carian dan mendapati bahawa kajian mengenai unsur dualisme haiwan masih kurang dijalankan menyebabkan pengkaji memilih topik ini sebagai kajiannya. Kajian ini dilakukan berpandukan tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti dualisme berobjekkan haiwan dalam peribahasa Melayu, menjelaskan hubungan antara makna dan objek dualisme haiwan dalam peribahasa Melayu dan mencungkil falsafah dan akal budi Melayu di sebalik elemen dualisme yang berobjekkan haiwan.

PERNYATAAN MASALAH

Generasi pada zaman serba moden ini kurang mengambil berat mengenai makna di sebalik peribahasa yang kerap digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu. Pengaruh budaya barat telah mempengaruhi minda untuk berada dalam arus kemodenan dan mengabaikan keunikan bahasa sendiri. Hal ini telah menyukarkan pelbagai pihak untuk terus memartabatkan penggunaan peribahasa dalam kalangan generasi muda. Tambahan pula, generasi muda kini lebih mengutamakan fakta tentang sesuatu perkara yang sudah jelas daripada mendalami makna di sebalik kiasan yang digunakan. Generasi muda bertindak untuk mempertikaikan pemilihan objek dalam peribahasa dan mempersoalkan perkaitan antara objek yang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa kajian analisis semantik berperanan penting dalam memperlihatkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu supaya dapat memberikan pendedahan kepada orang ramai tentang pemilihan objek yang digunakan.

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian lepas yang dihasilkan kerap menyentuh mengenai objek berkaitan flora dan fauna dan unsur alam sahaja. Terdapat juga beberapa kajian peribahasa yang menyentuh unsur dualisme dari sudut flora dan fauna. Antara unsur dualisme yang pengkaji dapati dari kajian lepas ialah dualisme ‘durian-timun’, ‘jagung-nangka’, ‘padi-lalang’, ‘cempedak-nangka’, ‘asam-garam’ dan ‘angsa-itik’. Kajian “Elemen Dualisme Dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif” hasil penulisan Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2017) ini telah menjadi perintis kepada permulaannya kajian unsur dualisme dalam kalangan pengkaji lain. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, unsur dualisme dari aspek fauna masih kurang dilaksanakan berbanding aspek flora yang sering mendapat sambutan dalam kalangan pengkaji lain. Oleh itu, pengkaji mengambil langkah untuk menjalankan kajian mengenai unsur dualisme dalam kalangan haiwan agar kajian yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian Semantik Inkuisitif Unsur Dualisme dalam Peribahasa Melayu

Kajian pertama yang ingin dikupas ini merupakan kajian daripada Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2017) yang bertajuk “Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis dan menghuraikan hubungan antara imej dan objek yang mempunyai unsur dualisme berdasarkan pendekatan Semantik Inkuisitif. Kaedah kualitatif melalui pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS) menjadi pilihan bagi melakukan penghuraian dengan lebih mendalam dan terperinci sehingga terserlah falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Dapatan kajian ini menumpukan tiga unsur dualisme yang berbeza, iaitu ‘padi-lalang’, ‘cempedak-nangka’ dan ‘asam-garam’. Secara ringkasnya, objek ‘padi’ dan ‘lalang’ ini disandarkan kepada sifat manusia yang menunjukkan perbezaan taraf di antara kedua-duanya manakala unsur dualisme ‘cempedak-nangka’ pula terdapat unsur pertentangan dua sifat baik dan buruk dan unsur dualisme ‘asam-garam’ membawa maksud pengalaman hidup manusia. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kajian ini berjaya mengkaji unsur dualisme dan menyerlahkan akal budi Melayu di sebalik pemilihan penggunaan objek-objek tersebut.


Terdapat hasil kajian Julaina Nopiah, Norhashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan yang bertajuk “Refleksi Dualisme ‘Durian-Timun’ dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif (2017). Melalui kajian ini, domain kuasa telah diperlihatkan dalam peribahasa yang memaparkan unsur dualisme ‘durian-timun’ berdasarkan ciri-ciri durian yang berkulit keras dan berduri manakala timun pula berkulit nipis dan lembut. Perbezaan yang ketara di antara kedua-dua buah ini jelas menunjukkan persamaan dengan orang yang lemah dan tidak berkuasa (timun) yang sering ditindas dan diambil kesempatan oleh orang yang mempunyai kuasa dan pangkat (durian). Namun begitu, masyarakat Melayu juga berpendapat bahawa buah durian dan timun ini mampu menjadi pelengkap di antara satu sama lain kerana durian mempunyai unsur ‘panas’ dan buah timun mempunyai unsur ‘sejuk’.

Selain itu, terdapat juga kajian yang menjalankan kajian unsur dualisme dari sudut haiwan, iaitu kajian Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019) yang bertajuk “Sudah Tidak Tersudu Oleh Angsa, Baru Diberikan Kepada Itik: Perspektif Semantik Inkuisitif dan Akal Budi Melayu”. Kajian ini hanya berfokuskan kepada satu peribahasa sahaja yang memaparkan penggunaan imej angsa dan itik sebagai objeknya. Hasil kajian menyatakan bahawa unsur dualisme ‘angsa-itik’ ini merujuk kepada perbezaan darjat di antara orang kaya dan orang kurang berkemampuan. Dalam kajian ini, telah dijelaskan bahawa angsa mempunyai leher yang panjang dan fizikal yang lebih besar berbanding itik yang tubuh badannya lebih kecil melalui peribahasa ‘*sebentuk cincin dari suasa, ikat permata bertambah cantik*’. Pada pandangan pengkaji, kajian ini kurang berjaya

mengupas falsafah dan akal budi Melayu bagi dualisme ‘angsa-itik’. Melalui pembacaan pengkaji, penjelasan yang dilakukan dalam kajian ini bersifat umum dan hanya berjaya mengaitkan domain kuasa sahaja yang tidak spesifik kepada golongan kaya dan miskin. Penjelasan terhadap martabat atau pangkat angsa dalam kalangan masyarakat Melayu perlu diperjelaskan dengan lebih mendalam sehingga dapat menghasilkan persamaan bahawa angsa itu mewakili golongan orang kaya dan itik mewakili golongan miskin.

METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam mengumpul data. Metodologi yang digunakan haruslah merangkumi cara, kaedah dan pendekatan yang diguna pakai dalam sesebuah kajian bagi memenuhi objektif dan matlamat kajian (Ang Kean Hua, 2016). Metodologi membantu pengkaji untuk menghasilkan kajian yang lebih sistematik dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. Penerangan lanjut mengenai prosedur-prosedur dan kaedah-kaedah yang dilaksanakan dalam mendapatkan maklumat dan data yang tepat akan diterangkan di bab ini.



Rajah 1: Pendekatan Semantik Inkuisitif

Dalam kajian ini, reka bentuk kualitatif digunakan bagi menganalisis unsur dualisme peribahasa yang terdapat dalam buku atau daripada pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka dan kamus digital. Kaedah kualitatif bersesuaian dengan objektif kajian ini memandangkan dapatan kajian diperoleh melalui

maklumat yang terkandung dalam buku atau di laman sesawang tanpa melibatkan soal selidik dan sampel kajian yang besar. Kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif dalam menghuraikan dapatan secara berperingkat dimulakan dengan peringkat pertama, iaitu tahap semantik skrip yang kemudiannya diikuti peringkat kedua atau semantik resonans dan akhir sekali ialah peringkat ketiga yang menunjukkan penggunaan pendekatan Semantik Inkuisitif. Konsep Rangka Rujuk Silang (RRS) digunakan pada tahap kedua bagi memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap makna sebenar yang ingin disampaikan dalam peribahasa tersebut.

Kaedah pengumpulan data digunakan untuk menghimpun segala dapatan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Kaedah kepustakaan dan juga kaedah analisis kandungan teks dilihat lebih sesuai untuk membantu pengkaji melakukan proses pengumpulan data pada peringkat awal kajian ini. Pelaksanaan kaedah kepustakaan ini dapat dilihat melalui pencarian dan pembacaan bahan-bahan sekunder seperti buku dan laman web rasmi yang mengandungi peribahasa, jurnal dan penyelidikan kajian-kajian lepas yang mempunyai pendekatan, tumpuan dan unsur dualisme dalam Semantik Inkuisitif ini. Setelah melakukan pembacaan dan pencarian, pengkaji akan melakukan pemilihan terhadap beberapa unsur dualisme berobjekkan haiwan yang memaparkan domain yang jelas dan kemudiannya pengkaji memasukkan peribahasa tersebut ke dalam jadual supaya mudah untuk difahami. Setiap pemilihan dilakukan berdasarkan persamaan yang dimiliki oleh dualisme haiwan tersebut. Kaedah analisis kandungan teks juga perlu dilakukan memandangkan kaedah ini mampu memberikan peluang kepada pengkaji untuk meneliti semula dapatan sebelum pemilihan akhir dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati pengkaji telah memilih 11 peribahasa yang terdiri daripada dua unsur dualisme haiwan yang mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu ‘tikus-kucing’ dan ‘ayam-musang’. Berdasarkan jadual 2 di bawah, dapat dilihat bahawa dualisme ‘tikus-kucing’ mendominasi domain ‘kekuasaan’ manakala peribahasa yang melibatkan penggunaan dualisme ‘ayam-musang’ pula membawa dua domain utama, iaitu domain ‘perasaan’ dan ‘perbuatan’.

Peribahasa dualisme ‘Tikus-Kucing’			
Bil	Peribahasa	Maksud	Domain
1.	Serta lalu kucing, tikus tidak berdecit lagi.	Apabila orang yang ditakuti datang, diamlah orang yang membuat bising.	Kekuasaan

2.	Kucing lalu, tikus tiada berdecit lagi.	Apabila ada orang yang ditakuti, maka diamlah orang yang sedang berbuat bising.	Kekuasaan
3.	Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi.	Apabila orang yang ditakuti sudah tidak berkuasa lagi, maka orang-orang pun berkuasalah melakukan sekehendak hati.	Kekuasaan
4.	Awak tikus, hendak menampar kepala kucing.	Melakukan sesuatu yang mustahil.	Kekuasaan
5.	Kalau kucing tiada bermisai, takkan ditakuti tikus lagi.	Orang besar yang sudah dipecat dari jabatannya tiada disegani orang lagi.	Kekuasaan

Peribahasa dualisme ‘Ayam-Musang’

Bil	Peribahasa	Maksud	Domain
1.	Ayam tidur senang di dalam reban, musang yang susah beredar sekeliling.	Tidak senang melihat kebahagiaan orang.	Perasaan
2.	Ayam dapat, musang dapat.	Pencuri tertangkap, barang-barangnya pun tidak hilang.	Perbuatan
3.	Jika memelihara ayam, musang jangan dijinakkan; setidaknya-tidaknya bertempiaran kelak.	Jika ada anak isteri terutama sekali anak gadis, janganlah dibiarkan orang lelaki yang jahat datang bertamu ke rumah.	Perbuatan
4.	Musang berbulu ayam.	Orang jahat menyamar sebagai orang baik-baik. (Peribahasa lain yang sama makna: Serigala berbulu domba)	Perasaan
5.	Kerbau jangan dimaling orang, ayam jangan dimusangi.	Anak dan isteri hendaklah dijaga dengan baik-baik (dimusangi = dimakan musang).	Perbuatan
6.	Memperlapang kandang musang, mempersempitkan kandang ayam.	Sengaja memberi kesempatan kepada orang yang bermaksud jahat.	Perasaan

Jadual 2: Peribahasa Dualisme ‘Tikus-Kucing’ dan ‘Ayam-Musang’.

PENGANALISISAN**Peribahasa ‘Tikus-Kucing’**

Peribahasa	Maksud
Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi.	Apabila orang yang ditakuti sudah tidak berkuasa lagi, maka orang-orang pun berleluasalah melakukan sekehendak hati.

Jadual 3: Peribahasa *bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi***Tahap 1: Semantik Skrip**

Secara harfiahnya, peribahasa *‘bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi’* ini membawa maksud situasi ‘apabila orang yang ditakuti sudah tidak berkuasa lagi, maka orang-orang pun berleluasalah melakukan sekehendak hati’.

Tahap 2: Semantik Resonans

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan hubungan antara makna dan objek dualisme haiwan dalam peribahasa Melayu sekali gus mencapai objektif yang kedua. Seperti yang dinyatakan di atas, peribahasa yang dipilih ini berkisarkan mengenai domain kekuasaan seseorang. Jadi, pengkaji telah melakukan carian terhadap contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu. Berikut merupakan data korpus yang diperoleh.

*****Apabila kucing sudah tidak ada, maka banyaklah tikus yang keluar.***** Inilah lumrah kehidupan. Dr Mahathir sudah tidak lagi berkuasa, maka semua pengecut di zamannya sekarang telah berani menampilkan diri.

(Hizbut Tahrir Malaysia, Jun 2008)

Rangka Rujuk Silang digunakan pada tahap ini bagi menunjukkan bukti bahawa peribahasa *Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi* ini merujuk kepada situasi orang yang lemah mula menonjolkan sifat yang sebenar apabila individu yang ditakuti selama ini sudah tidak mempunyai kuasa lagi. Data korpus di atas menunjukkan RRS bagi peribahasa data 1.

Berdasarkan ayat data korpus di atas, ayat *apabila kucing sudah tidak ada* ini merujuk kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu Dr. Mahathir yang sudah tidak lagi berkuasa dan telah meletakkan jawatannya sebagai pemerintah Malaysia. Ayat seterusnya *maka banyaklah tikus yang keluar* pula merujuk kepada pekerja-pekerja yang berada di zaman pemerintahannya yang mula berani menampilkan diri untuk memperkatakan perkara yang sebenar. Data korpus (ii) menggunakan istilah ‘pengecut’ kepada golongan tersebut adalah kerana mereka tidak berani untuk menegakkan kebenaran dan mengatakan perkara yang sebenar kepada masyarakat kerana kuasa yang dimiliki oleh Tun Dr. Mahathir sangat besar sehinggakan mereka berpotensi untuk dipecat dari jawatan yang dipegang.

Hal ini menunjukkan penglibatan domain kuasa yang mempunyai jurang besar antara kuasa tersebut.

Umum mengetahui bahawa kucing merupakan haiwan peliharaan yang manja, aktif dan peka terhadap keadaan sekelilingnya. Walaupun kucing diciptakan sebagai haiwan yang manja, namun begitu giginya tetap mempunyai ciri khas yang memberikan kelebihan untuk berburu dan menangkap mangsanya. Keistimewaan ini telah membantu kucing untuk memburu haiwan-haiwan yang lebih kecil dan kebanyakannya terdiri daripada haiwan perosak seperti tikus. Hal ini telah mendorong kepada kewujudan perkaitan imej 'kucing' sebagai 'orang yang berkuasa' manakala imej 'tikus' sebagai 'orang bawahan' atau 'orang yang lemah'. Kucing yang kehilangan gigi akan menyebabkan dirinya tidak mempunyai kemampuan untuk memburu dan hal ini telah memberikan peluang kepada tikus untuk keluar dari tempat persembunyian tanpa rasa takut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Kucing atau dikenali dengan nama saintifiknya '*felis domestica*' ini merupakan sejenis binatang yang kecil, berbulu lembut dan tebal dan sering dipelihara sebagai binatang kesayangan. Istilah kucing ini tertuju pada haiwan yang berbadan kecil yang jinak dan aktif. Terdapat kira-kira 45 hingga 70 baka kucing di dunia ini dan antaranya ialah baka Persia, Siam, *Maine Coon*, dan Bengal. Hubungan kucing dan manusia sememangnya akrab dan kadang kala melebihi hubungan sesama manusia itu sendiri kerana kucing bukan hanya boleh menjadi tempat bermain malah mampu menghilangkan tekanan dan bebanan manusia. Kucing juga dikatakan sebagai haiwan yang bijak yang mampu memahami isi hati tuannya. Menurut MStar (2019), memelihara kucing memberikan kebaikan kepada manusia dari sudut psikologi dan hal ini telah dibuktikan dalam satu kajian di Australia yang menyatakan bahawa individu yang memiliki kucing lebih cenderung untuk mempunyai kesihatan mental yang baik berbanding individu yang tidak memiliki haiwan peliharaan. Tambahan pula, kucing merupakan seekor haiwan yang pembersih dan disebabkan itulah kucing tidak menyukai air kerana air merupakan tempat pertumbuhan bakteria yang paling aktif dan subur.

Namun begitu, apakah disebalik kerelevanan masyarakat Melayu terdahulu memilih kucing dan bukannya haiwan peliharaan lain seperti anjing yang lebih bersifat setia dan sesuai untuk dijadikan sebagai lambang kekuasaan? Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu merupakan golongan masyarakat yang majoritinya beragama Islam dan anjing ini sudah tergolong dalam kumpulan haiwan yang haram untuk disentuh. Sesiapa yang memelihara anjing tanpa tujuan tetap yang dibenarkan oleh syarak hukumnya adalah haram dan boleh mengurangkan pahala ibadah serta menjauhkan seseorang itu daripada rahmat Allah S.W.T. Terdapat banyak nas dan dalil yang melarang umat Islam membela anjing tanpa sebab yang diharuskan oleh syarak. Antara hadis tersebut ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA bahawa Rasulullah S.A.W.

bersabda:

مَنْ أَقْتَنَى كَلْبًا، إِلَّا كَلَبَ صَيْدٍ، أَوْ مَاشِيَةٍ، نَقَصَ مِنْ أَجْرِهِ كُلَّ يَوْمٍ قِيرَاطَانِ مَ

Maksudnya: “Sesiapa yang membela anjing selain dari anjing memburu, atau anjing yang menjaga tanaman, berkurang pahalanya setiap hari dua qirat”. (Riwayat Muslim: 1574).

Terdapat juga riwayat hadis yang lain menyatakan kesan buruk memelihara anjing di dalam rumah ialah punca terhalangnya rahmat Allah S.W.T masuk ke dalam rumah. Hadis yang diriwayatkan Abi Thalhah RA, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

أَلَّا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيهِ كَلْبٌ، وَلَا صُورَةٌ تَمَائِيلُ

Maksudnya: Malaikat tidak masuk ke dalam rumah yang terdapat anjing dan patung untuk disembah (Riwayat Bukhari: 3225).

‘Malaikat’ yang dimaksudkan dalam hadis itu merujuk kepada malaikat yang membawa rahmat dan keampunan bukannya malaikat penjaga. Hal ini menunjukkan bahawa Islam melarang umatnya daripada membela haiwan yang haram tanpa mempunyai alasan yang munasabah.

Namun ini semua berbeza pula hukumnya jika dibahaskan mengenai kucing. Kucing dihukumkan sebagai suci (bukan najis) dan hukumnya menjadi harus jika dipelihara dengan tujuan yang menepati syarak seperti menghalau tikus dan haiwan perosak seumpamanya. Baginda S.A.W amat menyayangi kucing dan menggolongkan kucing sebagai haiwan yang sering berkeliaran di sekeliling manusia dan menjelaskan ketidaknajisannya. Ini merupakan sebahagian daripada riwayat Kabsyah binti Ka’ab bin Malik yang menceritakan bahawa ada satu ketika, Abu Qatadah berada di dalam rumah dan sedang menyediakan sebekas air untuk dijadikan air wuduk. Tidak lama kemudian datang seekor kucing meminum air tersebut dan Abu Qatadah membiarkan kucing tersebut melakukan sedemikian. Abu Qatadah sedar bahawa Kabsyah memandangnya lalu dia bertanya: “Adakah kamu merasa pelik wahai anak saudaraku?”. Kabsyah menjawab: “Ya” lalu Abu Qatadah menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W pernah bersabda:

إِنَّهَا لَيْسَتْ بِنَجَسٍ، إِنَّمَا هِيَ مِنَ الطَّوَّافِينَ عَلَيْكُمْ، أَوْ الطَّوَافَاتِ

Maksudnya: “Sesungguhnya kucing itu tidak najis kerana ia haiwan yang berkeliaran di sekeliling kamu.” (Riwayat al-Tirmizi (92); Abu Daud (75); al-Nasa’i (68); Ibn Majah (367)).

Memandangkan masyarakat Melayu sudah sinonim dengan agama Islam, maka

segala ajaran dan larangan yang diperintah oleh Allah S.W.T telah dituruti agar tidak mendapat kemurkaan Allah. Tambahan pula, kucing ini merupakan haiwan kesayangan Rasulullah menyebabkan kedudukannya lebih mulia berbanding haiwan yang lain. Kewujudan kucing di kawasan rumah telah membantu masyarakat Melayu untuk menghapuskan haiwan perosak secara tidak langsung.

Tikus merupakan haiwan perosak yang tergolong dalam spesies haiwan mamalia yang dipanggil *rodensia*. Terdapat beberapa spesies tikus yang sering ditemui di negara ini dan antaranya termasuklah tikus Norway (*rattus norvegicus*), tikus rumah kecil (*mus musculus*), tikus sawah (*rattus argentiventer*), tikus kayu (*rattus tiomanicus*) dan tikus Burma (*rattus exculans*). Spesies tikus yang paling kerap dijumpai di kawasan tempat tinggal manusia pula digelar sebagai tikus rumah (*rattus rattus diardii*). Menurut kajian saintifik, tikus bukan haiwan yang baik kerana tikus berupaya untuk membawa penyakit berjangkit secara terus. Penyakit-penyakit ini sering dibawa melalui sisa buangan atau najis yang mengandungi organisma seperti *bicilli*, *rickettsia* atau virus yang aktif apabila terkena pada manusia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016). Menurut Islam, tikus merupakan haiwan yang disunatkan untuk dibunuh kerana lumrah hidupnya yang sentiasa berada dalam keadaan kotor dan jijik. Terdapat hadis sahih riwayat al-Bukhari dan Muslim yang menunjukkan bahawa tikus termasuk di dalam al-Fawasiq al-Khams (haiwan perosak yang lima). Daripada 'Aisyah R.Anha, Rasulullah SAW telah bersabda:

خَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُفْتَلَنَ فِي الْحَرَمِ الْعَقْرَبُ وَالْفَارَةُ وَالْحُدْيَا وَالْغُرَابُ وَالْكَلْبُ

الْعُقُورُ

Maksudnya: Khams fawasiq (haiwan perosak yang lima) yang perlu dibunuh meskipun di dalam keadaan berihram; kala jengking, tikus, burung 'kite' (burung pemangsa seakan helang), burung gagak dan anjing ganas.

Hadis ini menunjukkan bahawa kewujudan tikus tidak mendatangkan manfaat kepada manusia dan seharusnya dibunuh bagi mengelakkan berlakunya penularan wabak penyakit. Tikus merupakan agen perumah bagi penyakit berjangkit yang mudah menjangkiti manusia melalui najis yang dihasilkannya. Kelebihan tikus untuk berlari laju dan menyembunyikan diri di ruangan kecil menyebabkan mereka sukar untuk dijumpai dan dihapuskan. Kewujudannya juga tidak diberikan perhatian oleh manusia dan hanya disedari sekiranya meninggalkan sebarang kerosakan akibat daripada gigitannya. Dari segi akal budi Melayu, sifat tikus ini dapat dikaitkan dengan sifat orang yang lemah dan tidak berkuasa dan hanya mendatangkan masalah kepada orang sekelilingnya. Hal ini menyebabkan golongan tersebut bertindak untuk berdiam diri dan hanya mengikuti arahan pihak atasan yang lebih berkuasa dan berpengaruh dan

membiarkan diri mereka ditindas. Sifat tikus yang suka berkeliaran pada waktu malam dan sunyi juga dapat disamakan dengan sifat golongan lemah yang hanya berani bertindak atau menyuarakan ketidakpuasan hati setelah tiada pihak berkuasa yang berada di sekelilingnya. Faktor kehidupan masyarakat Melayu dahulu yang masih belum terdedah dengan kewujudan ubat haiwan perosak menyebabkan kebanyakan masyarakat masih menggunakan perangkap tradisional dan memelihara kucing bagi mendapatkan bantuan bagi menangkap tikus perosak. Rumah masyarakat Melayu dahulu diperbuat daripada kayu dan lantai yang jarang menyebabkannya tikus mudah menyelinap ke dalam rumah dan merosakkan harta benda. Dengan adanya kucing di kawasan rumah, tikus sudah tidak berani untuk menonjolkan diri kerana takut menjadi mangsa buruan si kucing.

Berdasarkan huraian yang dilakukan, dapat dilihat bahawa falsafah akal budi Melayu yang dapat diteroka ialah bahawa setiap manusia akan menunjukkan keberanian dan ‘belang’ masing-masing setelah orang yang berkuasa hilang kuasa dan kewibawaan mereka. ‘Kucing kehilangan gigi’ ini diibaratkan seperti individu yang berkuasa yang sudah kehilangan kewibawaannya atas faktor tertentu dan golongan-golongan bawahan yang ditindas mula menunjukkan perangai yang sebenar. Berkuasa mana sekalipun seseorang itu, jika beliau sudah kehilangan pengaruh maka beliau akan mula diinjak dan dipandang serong oleh individu lain yang selama ini mengikuti arahnya. Sudah menjadi lumrah manusia apabila seseorang itu kehilangan keupayaan memerintah, diri mereka akan mula disisihkan dan tiada yang akan mengambil peduli mengenai diri mereka walaupun pada awalnya seseorang itu mempunyai penyokong yang ramai. Peribahasa ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat dahulu sudah menyedari bahawa kuasa dan pengaruh mampu memberikan impak yang besar dalam hidup seseorang dan melalui pemerhatian, masyarakat juga telah berjaya mencipta unsur dualisme berobjekkan haiwan bagi menyampaikan maksud ini secara tersirat.

Peribahasa ‘Ayam-Musang’

Peribahasa	Maksud
Musang berbulu ayam	Orang jahat yang menyamar sebagai orang baik-baik. (Peribahasa lain yang sama makna: Serigala berbulu domba).

Jadual 4: Peribahasa *musang berbulu ayam*

Tahap 1: Semantik Skrip

Secara harfiahnya, jadual 4 menunjukkan peribahasa ‘*musang berbulu ayam*’ yang membawa maksud sebagai ‘orang jahat yang menyamar sebagai orang baik-baik’ dan mempunyai erti yang sama dengan peribahasa ‘*serigala berbulu*

domba'.

Tahap 2: Semantik Resonans

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan hubungan antara makna dan objek dualisme haiwan dalam peribahasa Melayu sekali gus mencapai objektif yang kedua. Seperti yang dinyatakan di atas, peribahasa yang dipilih ini berkisarkan mengenai domain perasaan seseorang. Jadi, pengkaji telah melakukan carian terhadap contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu. Berikut merupakan data korpus yang diperolehi.

“Tak tahu. Bukankah aku telah katakan agama dan pangkat itu menjadi topeng untuk menutup keburukan itu semua? Orang ramai mesti tak percaya cerita kadi yang sebagai ***musang berbulu ayam itu***. Mereka tetap mengatakan kadi itu baik orangnya,” kata Habsah lagi sambil dia memerhati aku dan berkata lagi, “Kau tak percaya Sam?”

(Korpus DBP, WAN YAHYA WAN DIN. KELUARGA PAHLAWAN. Sastera, 2016)

Berdasarkan data korpus diatas, dialog tersebut memaparkan kesinambungan antara objek haiwan dalam peribahasa dengan ayat yang dilontarkan oleh penutur. Ayat agama dan pangkat itu menjadi topeng untuk menutup keburukan jelas menunjukkan makna kepada peribahasa ‘ayam berbulu musang’ itu sendiri. Tok kadi yang disebut oleh Habsah dalam dialog ini dapat dikaitkan dengan imej ‘musang’ manakala perbuatannya itu dapat disamakan dengan ‘berbulu ayam’. Walaupun Tok Kadi telah melakukan perkara yang tidak sepatutnya, namun orang kampung tetap mengatakan beliau seorang yang baik disebabkan imej agama yang dipaparkannya. Hal ini jelas menunjukkan sikap Tok Kadi sebagai seseorang yang mempergunakan kemuliaan agama dan pangkat untuk kesenangan dirinya sebagai langkah untuk menyelamatkan dirinya dari dibenci dan disisihkan oleh masyarakat lain.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Musang atau dalam Bahasa Inggerisnya dipanggil sebagai ‘*civet*’ berasal daripada keluarga *Viverridae* merupakan haiwan yang mempunyai badan dan ekor yang panjang, berwarna gelap dengan pelbagai corak dan berkaki pendek. Spesies musang di negara Malaysia tidak bersifat ganas dan tidak melakukan serangan ke atas manusia namun musang ini akan mengeluarkan bunyi dan meludah sekiranya merasakan dirinya diancam bahaya. Musang juga mampu membawa penyakit berjangkit yang boleh menyerang sistem pernafasan manusia. Falsafah dan akal budi Melayu di sebalik penciptaan peribahasa ini dapat dilihat melalui gaya kehidupan masyarakat Melayu dahulu yang tidak lagi asing dengan aktiviti menternak haiwan. Kebanyakan masyarakat Melayu memiliki sekurang-kurangnya seekor ayam untuk dijaga dan dibiakkan kerana itu merupakan sumber

makanan ketika itu. Hal ini telah menjadi faktor kepada tercetusnya pelbagai peribahasa yang melibatkan penggunaan leksikal ayam. Dalam konteks peribahasa ini, pengkaji mendapati bahawa ayam yang dimaksudkannya ialah ayam hutan yang bertubuh kecil dan sering terbang di ladang-ladang kelapa sawit. Hal ini kerana ayam hutan sahaja yang bersifat bebas memandangkan haiwan ternakan lazimnya dikurung di dalam reban pada waktu malam. Jika ayam ternakan melihat pemangsa, ayam-ayam ini akan menghasilkan bunyi yang kuat dan bising dengan tujuan untuk memberitahu penternak bahawa dirinya sedang berada dalam keadaan bahaya.

Kewujudan haiwan liar seperti musang ini telah memberi ancaman kepada ayam-ayam ternakan tersebut. Hal ini kerana musang sering menyerang hendap mangsanya pada waktu malam menyebabkan penternak tidak menyedarinya dan mengalami kerugian atas kematian dan kehilangan ayam ternakannya. Hasil pemerhatian yang mendalam dan juga pengalaman yang luas telah mendorong masyarakat Melayu lama untuk mewujudkan peribahasa ‘ayam berbulu musang’ yang memperlihatkan ketinggian falsafah dan akal budi Melayu. Berdasarkan pemerhatian masyarakat terhadap keadaan sekeliling, mereka dapat mengaplikasikan ciri-ciri musang ini sebagai imej untuk menyampaikan nasihat kepada manusia. Penggunaan ‘musang’ dalam peribahasa ini menunjukkan berlakunya unsur penipuan apabila musang menyamar sebagai ayam untuk menerkam mangsanya. Berdasarkan huraian yang dilakukan, falsafah akal budi Melayu yang dapat diteroka telah menonjolkan perkaitan hubungan di antara haiwan mangsa dan pemangsa. Masyarakat Melayu dahulu amat peka dalam memerhatikan setiap perubahan yang terjadi di sekeliling kawasan penempatannya. Masyarakat Melayu juga peka bahawa musang merupakan pemangsa utama terhadap ayam ternakan. Warna musang yang gelap menjadi satu kesukaran kepada ayam untuk mengenal pasti musuhnya dalam masa yang singkat. Hal ini telah membuka peluang kepada musang untuk terus memburu mangsanya tanpa perlu berasa takut. Dalam konteks masyarakat Melayu, mereka memandang teknik ini sebagai penyamaran si musang dalam menerkam mangsanya. Musang berpotensi untuk berada dalam kawasan ayam tersebut buat seketika atau dalam tempoh masa yang lama tanpa disedari oleh si ayam. Oleh itu, masyarakat Melayu telah mengaplikasikan teknik ini dalam peribahasa supaya dapat memberikan nasihat secara berkias kepada masyarakat lain untuk berjaga-jaga dengan manusia yang berpura-pura baik sama ada dengan tujuan untuk memanfaatkan diri mereka atau ingin mengambil kesempatan terhadap mangsanya.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan falsafah dan akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa yang menampakkan unsur dualisme haiwan. Perbincangan ini dilakukan secara satu persatu dengan mengikut aturan objektif kajian yang telah

ditetapkan. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan pengkaji dapat menghasilkan kajian yang jelas dan tersusun di samping memudahkan proses penerimaan maklumat dalam kalangan pengkaji-pengkaji lain. Bagi memenuhi objektif pertama, pengkaji telah melakukan carian terhadap beberapa peribahasa yang mempunyai unsur dualisme haiwan yang memperlihatkan konsep mangsa pemangsa yang diinginkan oleh pengkaji. Pada objektif yang kedua, pengkaji telah memilih satu peribahasa sahaja untuk dihuraikan perkaitan makna di antara objek dualisme haiwan yang terkandung di dalamnya. Setiap peribahasa yang dipilih ini diperjelaskan secara terperinci dengan adanya bantuan data korpus. Dalam objektif yang terakhir, pengkaji perlu mencungkil falsafah dan akal budi Melayu di sebalik elemen dualisme yang berobjekkan haiwan. Tahap ketiga yang juga dikenali sebagai Semantik Inkuisitif ini merupakan tahap yang paling penting untuk memperlihatkan perkaitan antara pemilihan dualisme haiwan dengan domain yang dinyatakan. Berdasarkan hasil analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pemilihan haiwan ‘kucing-tikus’ dan ‘ayam-musang’ ini mempunyai kerelevanan dalam komuniti masyarakat Melayu dahulu. Setiap haiwan ini mempunyai fungsi masing-masing dalam menyempurnakan ekosistem alam dan kehidupan manusia.

Pengkaji berpendapat bahawa kajian Semantik Inkuisitif berkaitan unsur dualisme ini perlu diperluaskan lagi dalam kalangan pengkaji lain. Kajian ini tidak perlu tertumpu kepada satu unsur sahaja tapi sebaiknya diutamakan terlebih dahulu unsur dualisme haiwan memandangkan bilangan kajian yang dilakukan terhadap unsur ini lebih sedikit berbanding unsur dualisme tumbuhan. Tambahan pula, unsur dualisme haiwan yang dijadikan rujukan dalam kajian ini dilihat kurang berjaya dalam mempamerkan perkaitan unsur tersebut dengan falsafah dan akal budi Melayu. Pengkaji turut merasakan bahawa kajian Semantik Inkuisitif tidak semestinya tertumpu dalam konteks peribahasa saja namun juga boleh dikaji berdasarkan cerita rakyat dan lirik lagu Melayu. Unsur dualisme juga boleh dikaji melalui cerita rakyat memandangkan kebanyakan cerita rakyat Melayu memperlihatkan imej haiwan sebagai objek utama dalam menyampaikan nasihat dan teguran. Kajian-kajian seperti ini dapat memberikan kefahaman kepada orang awam terutamanya bagi guru-guru pra sekolah dan sekolah rendah kerana guru-guru di tahap pembelajaran ini sering menerima pelbagai soalan dari anak murid berkaitan cerita rakyat yang disampaikan. Kewujudan kajian-kajian sebegini membantu mereka untuk lebih memahami nasihat dan teguran yang ingin diselitkan dalam cerita rakyat. Oleh itu, pengkaji berharap agar pengkaji-pengkaji lain dapat melihat kelompongan dalam kajian Semantik Inkuisitif ini dan menyempurnakannya dalam kajian mereka pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Atiqah Abd Rahim. (2020). Akal Budi Melayu. <https://klikweb.dbp.my/?p=19305>
- Bernama. (2021). Bahasa Melayu masih diguna pakai, duduki tangga ke-10 popular di dunia. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bahasa-melayu-masih-diguna-pakai-duduki-tangga-ke10-popular-di-dunia-333442>
- Daud, M. Z. (2018). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 1-21.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179-253.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Ayam (*Gallus gallus domesticus*) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif/Chicken (*Gallus gallus domesticus*) in the Malay Proverbs: Inquisitive Semantic Analysis. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). “SUDAH TIDAK TERSUDU OLEH ANGSA, BARU DIBERIKAN KEPADA ITIK”: PERSPEKTIF SEMANTIK INKUISITIF DAN AKAL BUDI MELAYU. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Hizbut Tahrir Malaysia. (2008). *Kucing Tiada, Tikus Pun Keluar*. <https://mykhillafah.com/kucing-tiada-tikus-pun-keluar/>
- Jalaluddin, N. H., & Zaini, M. F. (2019). Struktur Seni Bina Melayu "Tangga" dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1-26.
- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej Perlambangan ‘Tangan’ Dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131.
- Kasdan, J., & Jalaluddin, N. H. (2015, September). *Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. In *Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur* (pp. 1-20).
- Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Ismail, W. N. W. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72.

- M. Hasyim Mustamin. (2010). *DUALISME DALAM PENDIDIKAN DAN PENGARUHNYA TERHADAP PEMBENTUKAN NILAI DAN IDENTITI PELAJAR* Jointly Organized by: Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV) and Institute of Postgraduate Studies
- Man, M. A. F. C., & Jalaluddin, N. H. (2018). Unsur burung dalam pantun: analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Mohammad Hilmi bin Mustapa. (2016). *Tikus: Penyakit Bawaannya dan Kawalan*. <http://www.myhealth.gov.my/tikus-penyakit-bawaannya-dan-kawalan/#:~:text=Tikus%20merupakan%20spesis%20haiwan%20mamalia,iaitu%20Sciuromorpha%2C%20Myomorpha%20dan%20Hystrichomorph>
- Mohd Faris Mohd Shahrin. (2019). *Peradaban tinggi bahasa Melayu satukan bangsa*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/09/605369/peradaban-tinggi-bahasa-melayu-satukan-bangsa>
- Muhammad Fahmi Rusli. (2020). *AL-KAFI #1707: BENARKAH RASULULLAH S.A.W PERNAH MEMILIKI KUCING BERNAMA MUEZZA?* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4458-al-kafi-1707-benarkah-rasulullah-s-a-w-pernah-memiliki-kucing-bernama-muezza>
- Muhammad Fuad bin Ibrahim. (2022). *IRSYAD HUKUM SIRI KE-690: LARANGAN MEMELIHARA ANJING DI RUMAH DAN HIKMAH DI SEBALIKNYA*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5282-irsyad-al-fatwa-siri-ke-690-larangan-memelihara-anjing-di-rumah-dan-hikmah-di-sebaliknya>
- Mstar. (2019). *Kucing boleh 'baca' hati tuannya? Ketahui kelebihan peliharaan haiwan ini dari sudut psikologi, kesihatan*.
- Nasir, M. R. B. M., & Subet, M. F. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu (Inquisitive Semantics Analysis in the Malay Language Proverbs). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Nopiah, J., Addli, M. A., & Osman, M. (2023). Cerminan Kuasa Melalui Peribahasa Melayu Yang Berobjekkan 'Gajah' Dan 'Harimau': Analisis Semantik Inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2(1), 241-266.
- Noraini Abd Shukor. (2021). *Pelestarian Peribahasa Melalui Pemugaran dan Penyelidikan*. <https://klikweb.dbp.my/?p=19305>
- Norazimah Zakari. (2017). *Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu dalam Pantun*.
- Rizal Abu Bakar. (2022). *Diet Punya Pasal! Ikuti Kisah Jie*.

- Saiful Bahari. (2020). *Mengenali dan Memahami Spesies Musang di Malaysia*.
<https://www.majalahsains.com/mengenali-dan-memahami-spesies-musang-di-malaysia/>
- Saimon, A., & Rashid, M. A. M. (2022). Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif: Leadership Concepts in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6-17.
- Salmah Bt. Nordin. (2018). *Haiwan Peliharaan*.
<http://www.myhealth.gov.my/haiwan-peliharaan/>
- Tuan Asri Husin. (2021). *Dinamika bahasa kiasan*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/149329/khas/pendapat/dinamika-bahasa-kiasan>
- Universiti Teknologi Mara. (2024). *BMP546 - Tugas Esei Panjang (INDIVIDU) (1)*
- Zulkifli Mohammad Al-Bakri. (2023). #2915: *Adakah Rasulullah S.A.W Membela Kucing?*